


Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan

UNTUK DIDEBATKAN

FASAL	PERUNTUKAN SEMASA	CADANGAN PINDAAN
1	NAMA DAN ALAMAT PENDAFTARAN	
1.1	Persatuan ini dikenali dengan nama Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM) atau dengan perkataan Inggeris “ Young Entrepreneurs’ Association of Malaysia”. Selepas ini disebut “Persatuan”.	Persatuan ini dikenali dengan nama “ Persatuan Usahawan Maju Malaysia ” (PUMM) atau dengan perkataan Inggeris “ Malaysian Entrepreneurs’ Development Association ” atau “ Entrepreneurs’ Development Association of Malaysia ”, mengikut mana satu yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Selepas ini disebut “Persatuan”.
1.2	Alamat berdaftar ialah Suite 20.03, Level 20 , Amoda Building, No. 22, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur; atau di tempat – tempat lain yang akan ditetapkan dari masa ke masa oleh Jawatankuasa Pusat; dan alamat untuk surat-menyurat ialah Suite 20.03, Level 20 , Amoda Building, No. 22, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur. Alamat berdaftar dan alamat surat-menyurat Persatuan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.	Alamat berdaftar ialah Suite 3.03, Level 3 , Amoda Building, No. 22 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur; atau di tempat-tempat lain yang akan ditetapkan dari masa ke masa oleh Jawatankuasa Pusat dan alamat surat-menyurat ialah Suite 3.03, Level 3 , Amoda Building, No. 22 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur. Alamat berdaftar dan alamat surat-menyurat Persatuan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
2	BENDERA DAN LAMBANG PERSATUAN	
2.2	Perkataan “PUMM” yang dihitamkan melambangkan kesepaduan dan ketabahan para usahawan muda .	Perkataan “PUMM” yang dihitamkan melambangkan kemajuan dan ketabahan para usahawan .
2.4	Warna hijau melambangkan belia yang sentiasa segar dan dinamik.	Warna merah melambangkan usahawan yang sentiasa segar dan dinamik.
2.6	Nama persatuan ditulis dalam tiga jenis bahasa iaitu: Bahasa Malaysia (Persatuan Usahawan Muda Malaysia), Bahasa Mandarin (马来西亚青年创业促进会), dan Bahasa Inggeris (Young Entrepreneurs’ Association of Malaysia).	Nama persatuan ditulis dalam tiga jenis bahasa iaitu: Bahasa Malaysia (Persatuan Usahawan Maju Malaysia), Bahasa Cina (马来西亚创业促进会), dan Bahasa Inggeris (Malaysian Entrepreneurs’ Development Association) atau (Entrepreneurs’ Development Association of Malaysia), mengikut mana satu yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

3	OBJEKTIF-OBJEKTIF	
3.1	Menggalakkan usahasama antara usahawan muda pelbagai kaum.	Menggalakkan usahasama antara usahawan Malaysia pelbagai kaum.
3.4	Menguatkan kedudukan ekonomi dan mempertingkatkan taraf kedudukan usahawan muda.	Menguatkan kedudukan ekonomi dan mempertingkatkan taraf kedudukan usahawan Malaysia.
7	PERSATUAN BUKAN BADAN POLITIK	
7.1	Persatuan Usahawan Muda Malaysia bukanlah badan politik dan tidak akan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan politik atau parti politik.	Persatuan ini bukanlah badan politik dan tidak akan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan politik atau parti politik.
8	MESYUARAT AGUNG	
8.2	Pengelolaan Pesatuan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli - ahli. Sekurang – kurangnya satu perdua daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah Ahli Jawatankuasa Pusat, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.	Pengelolaan Pesatuan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli - ahli. Sekurang – kurangnya satu perdua daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah Ahli Jawatankuasa Pusat yang dipilih dalam Mesyuarat Agung, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

PROPOSED PUMM NEW LOGO



Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan

tidak perlu didebatkan

FASAL	PERUNTUKAN SEMASA	CADANGAN PINDAAN
8	MESYUARAT AGUNG	
8.11A	[Peruntukan baru]	<p>a) Semua Mesyuarat Agung hendaklah dipengerusikan oleh seorang Pengerusi Mesyuarat Agung yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Pusat.</p> <p>b) Seseorang Pengerusi Mesyuarat Agung yang dilantik untuk Mesyuarat Agung tertentu tidak mempunyai undi pemutus sama ada beliau Ahli Persatuan atau tidak.</p>
9	JAWATANKUASA PUSAT	
9.1	<p>Satu Ahli Jawatankuasa Pusat yang memegang jawatan selama dua tahun (satu penggal) adalah terdiri daripada:-</p> <p>a) Dipilih dalam Mesyuarat Agung</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seorang Presiden - Seorang Timbalan Presiden - Tiga orang Naib Presiden - Lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Pusat. <p>b) Dilantik dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa Pusat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak lebih daripada dua orang Naib Presiden - Seorang Setiausaha Agung - Seorang Penolong Setiausaha Agung - Seorang Bendahari Kehormat - Tidak lebih daripada lima orang Ahli Jawatankuasa Pusat <p>c) Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan dilantik oleh Jawatankuasa Pusat.</p> <p>d) Seseorang Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang dilantik oleh Jawatankuasa Pusat boleh dilucutkan jawatannya dengan persetujuan majoriti Ahli Jawatankuasa Pusat yang melantiknya.</p>	<p>Satu Jawatankuasa Pusat yang memegang jawatan selama dua (2) tahun [satu (1) penggal] adalah terdiri daripada:-</p> <p>a) Yang dipilih dalam Mesyuarat Agung</p> <ul style="list-style-type: none"> - Presiden: Seorang (1) - Timbalan Presiden: Seorang (1) - Naib Presiden: Tiga (3) orang - Ahli Jawatankuasa Pusat: Tidak melebihi lima belas (15) orang <p>b) Yang dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa Pusat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Naib Presiden: Tidak melebihi dua (2) orang - Setiausaha Agung: Seorang (1) - Bendahari Kehormat: Seorang (1) - Penolong Setiausaha Agung: Seorang (1) - Ahli Jawatankuasa Pusat: Tidak melebihi lima (5) orang - Wakil Jawatankuasa Perhubungan Negeri: Tidak melebihi dua (2) orang dari setiap negeri. <p>Dipinda ke fasal 9.3E (a) dengan pindaan peruntukan.</p> <p>Dipinda ke fasal 9.3E (b).</p>

	<p>e) Jawatankuasa Pusat berhak membeku segala kegiatan Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau membubarkan Jawatankuasa Perhubungan Negeri jika diperlukan.</p> <p>f) Segala pengendalian Jawatankuasa Perhubungan Negeri tertakluk kepada peraturan – peraturan kecil Jawatankuasa Perhubungan Negeri.</p>	<p>Dipinda ke fasal 9.3E (c).</p> <p>Dipinda ke fasal 9.3E (d) dengan pindaan peruntukan.</p>
9.2	Nama-nama untuk jawatan-jawatan di Fasal 9.1 (a) hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara undi secara sulit oleh ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.	Pencalonan untuk jawatan-jawatan di Fasal 9.1 (a) mestilah dicadangkan dan disokong oleh Ahli-Ahli yang sah. Pemilihan perlu dijalankan dengan cara undi secara sulit oleh Ahli-Ahli yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan.
9.3	<p>Pemilihan atau perlantikan Ahli Jawatankuasa Pusat adalah tertakluk kepada syarat berikut:-</p> <p>a) Semua Ahli Jawatankuasa Pusat (kecuali Presiden) boleh dipilih atau dilantik semula apabila tamatnya tempoh dua tahun perkhidmatan (satu penggal).</p> <p>b) Presiden Persatuan tidak boleh memegang jawatan lebih dari tiga penggal (6 tahun) secara berterusan.</p> <p>c) Hanya ahli Persatuan yang mempunyai keahlian yang sah yang melebihi setahun (12 bulan) boleh dipilih atau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat.</p> <p>d) [Peruntukan baru]</p>	<p>Pemilihan atau perlantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-</p> <p>a) Melainkan dihalang oleh mana-mana satu daripada Fasal 9.3 (b), (c) dan (d) di bawah, semua Ahli Jawatankuasa Pusat boleh dipilih atau dilantik semula apabila tamatnya tempoh dua (2) tahun perkhidmatan [satu (1) penggal].</p> <p>b) Seseorang Presiden tidak boleh memegang jawatan melebihi tiga (3) penggal [enam (6) tahun] secara berterusan.</p> <p>c) Hanya Ahli Persatuan yang mempunyai keahlian melebihi dua belas (12) bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan berlayak dipilih.</p> <p>d) Kesemua jawatan (sama ada terpilih ataupun terlantik) dalam semua peringkat organisasi Persatuan hendaklah dipegang oleh Ahli Seumur Hidup sahaja.</p>
9.3A	[Peruntukan baru]	<p>(a) Tertakluk kepada Fasal 9.3 (b) di atas dan Fasal 9.3A (b) yang berikut, calon untuk jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden Terpilih hanya untuk Ahli-Ahli yang telah memegang mana-mana jawatan di Jawatankuasa Pusat (kecuali Wakil Negeri) sekurang-sekurangnya satu (1) penggal dalam empat (4) tahun [dua (2) penggal] yang terdahulu sebelum pencalonan tersebut.</p>

		<p>(b) Jawatan tersebut mestilah satu jawatan yang telah dipegang oleh seseorang calon secara berterusan dari tarikh beliau dipilih atau dilantik sehinggalah tarikh bersara Jawatankuasa Pusat bagi penggal yang berkenaan.</p>
9.3B	[Peruntukan baru]	<p>Tertakluk kepada Fasal 9.1 (b), Presiden dengan persetujuan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat berhak melantik jawatan-jawatan berikut:-</p> <p>a) Naib Presiden daripada kalangan Ahli-Ahli Seumur Hidup.</p> <p><u>b)</u> Setiausaha Agung dan Bendahari Kehormat daripada kalangan Ahli-Ahli Terpilih Jawatankuasa Pusat. Kekosongan dua (2) jawatan Ahli Jawatankuasa Pusat Terpilih yang diakibatkan oleh perantikan tersebut boleh dipenuhi oleh Jawatankuasa Pusat daripada Ahli-Ahli Seumur Hidup menurut Fasal 9.8 di bawah ini pada bila-bila masa.</p> <p><u>c)</u> Penolong Setiausaha Agung dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat daripada kalangan Ahli-Ahli Seumur Hidup.</p> <p><u>d)</u> Wakil Jawatankuasa Perhubungan Negeri daripada kalangan Ahli-Ahli Seumur Hidup dari negeri berkenaan.</p>
9.3C	[Peruntukan baru]	<p>Tertakluk kepada Fasal 9.3C (b) di bawah, kedudukan dan kuasa semua pemegang jawatan-jawatan terlantik adalah setaraf dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat yang terpilih. Walau bagaimanapun, mereka yang memegang sebarang jawatan terlantik boleh dilucutkan dari jawatan tersebut tertakluk kepada peruntukan yang berikut, iaitu:-</p> <p>a) Mereka yang dilantik oleh Presiden boleh dilucutkan oleh Presiden tertakluk kepada persetujuan daripada Jawatankuasa Pusat.</p> <p>b) Perlucutan seseorang daripada suatu jawatan terlantik tidak akan menjejaskan jawatan terpilih yang sedang dipegang oleh orang yang sama.</p>

		<p>c) Sebarang keputusan yang dibuat untuk melucutkan seseorang daripada jawatannya sepertimana yang diperuntukkan dalam dan 9.3C (b) di atas adalah muktamad dan tiada rayuan boleh dibuat mengenainya kepada mana-mana pihak.</p>
9.3D	[Peruntukan baru]	<p>a) Jawatankuasa Pusat perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Disiplin yang mengandungi lima (5) orang ahli termasuk seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan tiga (3) orang Ahli-Ahli Biasa.</p> <p>b) Jawatankuasa Kecil Disiplin berhak bertindak dengan sendirinya, dan/atau setelah menerima aduan secara bertulis dari mana-mana kalangan dan/atau atas arahan daripada Jawatankuasa Pusat supaya menjalankan siasatan ke atas sebarang perkara yang berkaitan dengan disiplin demi menjaga dan mempertahankan nama baik dan maruah Persatuan.</p> <p>c) Apabila siasatan sudah selesai, Jawatankuasa Kecil Disiplin hendaklah mengemukakan laporan bertulis dan cadangan-cadangannya kepada Jawatankuasa Pusat untuk tindakan lanjut.</p>
9.3E	[Peruntukan baru]	<p>a) Jawatankuasa Pusat boleh mewujudkan satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri di sesuatu negeri pada bila-bila masa jika difikirkan sesuai atau perlu.</p> <p>b) Seseorang Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang dilantik oleh Jawatankuasa Pusat boleh dilucutkan jawatannya dengan persetujuan majoriti Ahli Jawatankuasa Pusat yang melantiknya.</p> <p>c) Jawatankuasa Pusat berhak membeku segala kegiatan Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau membubarkan Jawatankuasa Perhubungan Negeri jika diperlukan.</p> <p>d) Segala urusan Jawatankuasa Perhubungan Negeri adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berkenaan yang digubal dan/atau dipinda dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat.</p>

		<p>e) Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri hendaklah dilantik oleh Presiden daripada kalangan Ahli-Ahli Seumur Hidup dan beliau akan menjadi Ahli Jawatankuasa Pusat secara automatik.</p> <p>f) Berikutan dari perantikan Pengerusi Jawatankuasa Negeri, Ahli-Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang lain bolehlah dilantik oleh Jawatankuasa Pusat atas cadangan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri.</p> <p>g) Setiap Jawatankuasa Perhubungan Negeri berhak menghantar tidak lebih daripada dua (2) orang Wakil-Wakil Negeri ke mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan membuat penukaran wakil pada bila-bila masa jikalau difikirkan sesuai atau perlu.</p> <p>h) Wakil-Wakil Negeri mempunyai hak untuk mengucap bagi pihak Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang diwakilinya semasa mesyuarat Jawatankuasa Pusat diadakan tetapi mereka tidak berhak untuk mengundi.</p>
<p>9.8</p>	<p>Jika seorang Ahli Jawatankuasa Pusat meninggal dunia atau meletakkan jawatan, maka berkuasalah Jawatankuasa Pusat melantik ahli Persatuan yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.</p>	<p>Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah ini, jika seseorang yang memegang sebarang jawatan di dalam Jawatankuasa Pusat:-</p> <p>a) meninggal dunia;</p> <p>b) meletakkan jawatan atau disifatkan sebegitu;</p> <p>c) disabit kesalahan melanggar piawaian disiplin yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat;</p> <p>d) dilantik untuk menjawat jawatan Naib Presiden Terlantik, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat atau Penolong Setiausaha Agung; atau</p> <p>e) dilucutkan hak beliau melalui kesahihan atau operasi undang-undang;</p> <p>maka Presiden berkuasa melantik Ahli Persatuan yang lain untuk mengisi kekosongan tersebut dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.</p>

10	KEWAJIPAN – KEWAJIPAN AHLI JAWATANKUASA PUSAT	
10.1	<p>Presiden, dalam masa menyandang jawatannya hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia atau Setiausaha Agung hendaklah menandatangani cek Persatuan bersama-sama dengan Bendahari Kehormat.</p>	<p>Sepanjang tempoh jawatannya, seorang Presiden hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan hendaklah menandatangani semua minit mesyuarat. Beliau atau Setiausaha Agung hendaklah menandatangani cek Persatuan bersama–sama dengan Bendahari Kehormat.</p>
11	KEWANGAN	
11.3	<p>Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira–kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden atau Setiausaha Agung bersama-sama dengan Bendahari Kehormat. Jika ketiadaan Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa Pusat melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.</p>	<p>a) Dalam keadaan Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari Kehormat tidak mampu menjalankan tugas mereka maka Jawatankuasa Pusat berhak melantik pengganti sementara di antara mereka untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.</p> <p>b) Tambahan lagi dan tanpa menjejaskan peruntukan dalam Fasal 11.3 (a) di atas, Jawatankuasa Pusat berhak untuk melantik dan memberi mandat kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Perhubungan Negeri untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang akaun bank yang khususnya untuk kegiatan Jawatankuasa Perhubungan Negeri dengan syarat-syarat berikut:-</p> <p>(i) Wang yang tidak melebihi RM10,000.00 ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha / Bendahari Jawatankuasa Perhubungan Negeri.</p> <p>(ii) Wang yang melebihi RM10,000.00 ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha / Bendahari Jawatankuasa Perhubungan Negeri bersama dengan Bendahari Kehormat dan Presiden / Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat.</p> <p>c) Menurut peruntukan dalam Fasal 11.3 (b) di atas, Jawatankuasa Pusat berhak mengenakan syarat-syarat dan sekatan-sekatan tertentu berkenaan dengan pengelolaan akaun bank tersebut.</p>

12	PEMERIKSA KIRA-KIRA	PEMERIKSA AKAUN
12.1	<p>Sebuah syarikat pemeriksa kira-kira akan dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa kira-kira Persatuan. Ia / mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan tidak boleh dilantik semula.</p>	<p>Sebuah firma/perbadanan pemeriksa akaun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Akaun Persatuan. Mereka tidak boleh menjadi Pemeriksa Akaun Persatuan melebihi tiga (3) penggal [enam (6) tahun] secara berterusan. Firma/perbadanan yang mempunyai ahli Persatuan yang menjadi pemegang saham atau kakitangannya tidak layak menjadi pemeriksa akaun.</p>